



TAKLIMAT PK1.3:



PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN



BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



**UNDANG-UNDANG
MALAYSIA**

Akta 806

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PENGENALAN




**UNDANG-UNDANG
MALAYSIA**

Akta 807

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018



EVOLUSI SISTEM PERCUKAIAN NEGARA




LATAR BELAKANG CJCP


ELEMEN	Cukai Jualan (CJ)	Cukai Perkhidmatan (CP)
KONSEP	• Cukai seperingkat • Dikenakan ke atas: ❖ Barang bercukai yang dikilang di dalam Malaysia ❖ Barang yang diimport	• Cukai seperingkat • Dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai oleh pembekal perkhidmatan • Merupakan cukai kepenggunaan
SKOP	• Dikuatkuasa di seluruh Malaysia kecuali ke atas barang bercukai dikilang di: ❖ Kawasan Ditetapkan (Langkawi, Labuan & Tioman) ❖ Kawasan Khas (Zon Bebas, Gudang Berlesen, Gudang Pengilangan Berlesen, Kawasan Pembangunan Bersama M'sia-Thai)	• Dikuatkuasa di seluruh Malaysia kecuali ke atas perkhidmatan disediakan di: ❖ Kawasan Ditetapkan ❖ Kawasan Khas
KADAR CUKAI	• 10% (standard) & 5% • Dikecualikan – <i>Nil duty</i> (0%) • Kadar spesifik: ❖ Petroleum (0.60 per litre) ❖ Diesel (0.40 per litre)	• 6% • Kadar spesifik: ❖ Kad kredit (RM25/setahun)
THRESHOLD	• RM500,000	• RM500,000 kecuali ❖ RM1.5 juta utk restoran ❖ RM0 untuk kad kredit, ejen kastam

KAEDAH PENGENAAN CUKAI

Cukai Jualan



Cukai Perkhidmatan



KENAAN CJCP DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

KENAAN CJCP

Perolehan	Layanan CJCP
Bekalan	CJ dikenakan ke atas barang yang dikilangkan oleh pengilang berdaftar atau yang diimport ke dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, bagi barangan dibeli daripada pengilang berdaftar atau barangan yang diimport oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT adalah dikecualikan CJ melainkan petroleum dan kenderaan import. Perolehan dengan pembekal tidak dikenakan CJ. CJ dikenakan di peringkat pengilang dan menjadi sebahagian daripada kos kepada pembekal.

Rujuk: Jadual A/Item 3 & 6/ Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018

KENAAN CJCP

Perolehan	Layanan CJCP
Perkhidmatan	Dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 .

Rujuk:

- ☐ Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018
- ☐ Panduan Industri di MySST

CP: Perkhidmatan Bercukai



Penginapan



Makanan & Minuman



Kelab malam dll



Kelab persendirian



Kelab golf



Pertaruhan & perjudian



Kad kredit & kad caj



Profesional

*Peguam, Akauntan
Juruukur, penilai, penaksir & ejen hartanah
Jurutera, Arkitek
Perunding
Teknologi maklumat
Perkhidmatan pengurusan
Perkhidmatan pekerjaan
Kawalan keselamatan*



Perkhidmatan lain

*Insuran & takaful
Telekomunikasi (kecuali prepaid untuk rakyat Malaysia)
Ejen kastam
Tempat letak kereta
Pusat servis kenderaan
Kurier
Kereta sewa & pandu, kereta sewa, bas catar & persiaran
Pengiklanan
Bekalan elektrik
Penerbangan domestic (kecuali di Sabah & Sarawak)*

Contoh Perkhidmatan Bercukai

Bil	Contoh Perkhidmatan
1.	Perkhidmatan pengurusan acara
2.	Perkhidmatan penyelenggaraan bangunan (<i>facility management</i>)
3.	Perkhidmatan pengurusan projek (Contoh: PMC, PDP dan PMO)
4.	Perkhidmatan penyiaran iklan
5.	Perkhidmatan kurier domestik termasuk bungkusan tidak melebihi 30kg, kotak prabayar dan sampul prabayar
6.	Perkhidmatan pembaikan kenderaan bermotor
7.	Perkhidmatan penyelenggaraan data, sistem atau perisian
8.	Perkhidmatan pembangunan perisian/sistem komputer
9.	Perkhidmatan profesional seperti perundangan, perakaunan, juruukur, ICT, perundingan, kejuruteraan dan keselamatan
10.	Perkhidmatan agensi persendirian (cth: Kawalan Keselamatan)

Contoh Perkhidmatan TIDAK Bercukai

Bil	Contoh Perkhidmatan
1.	Pembekalan barangan yang berkaitan dengan penyediaan Perkhidmatan ICT
2.	Perkhidmatan penyelenggaraan komputer, perkakasan dan <i>server</i>
3.	Perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan bukan bermotor seperti kapal terbang, keretapi dan kapal
4.	Peruncit dan pengedar perisian (<i>software</i>)
5.	Perkhidmatan potong rumput
6.	Pajakan atau penyewaan komputer, perkakasan dan <i>server</i>

KENAAN CJCP

Perolehan	Layanan CJCP
Kerja	Perolehan kerja pembinaan tidak dikenakan CJ. Kebanyakan bahan asas pembinaan seperti simen, pasir, besi dikecualikan daripada CJ di bawah Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Barang-Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018. Bagi perolehan kerja lain, Agensi hendaklah merujuk kepada Jadual Pertama di bawah Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

PENGECUALIAN KENAAN CJ

Semua barangan yang diimport atau yang dibeli daripada pengilang berdaftar oleh **Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT dikecualikan daripada CJ** kecuali petroleum dan kenderaan import.

Dengan syarat berikut:

- i. barangan yang diimport atau dibeli daripada pengilang berdaftar dengan JKDM;
- ii. barang tersebut digunakan sepenuhnya hanya oleh Agensi berkaitan;
- iii. kos barang tersebut dicajkan ke atas vot Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT dan bukan dibeli daripada sumber lain;

Pengecualian daripada CJ dibuat dengan pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

Tiada pengecualian diberikan ke atas CP.

CJ KE ATAS BADAN BERKANUN

Badan Berkanun mendapat pengecualian CJ selain petroleum dan kenderaan seperti berikut:

- i. IPTA yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Akta Universiti Teknologi Mara 1976 [Akta 173]; dan
- ii. Badan Berkanun yang menjalankan penyelidikan.

Perolehan oleh Badan Berkanun selain daripada yang dinyatakan adalah dikenakan CJ.

Rujuk: Jadual A/Item 10 & 11/ Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018

PENGECUALIAN CJ KE ATAS AGENSI LAIN

YDPA	Perolehan barangan yang diimport atau yang dibeli daripada pengilang berdaftar melainkan petroleum, sama ada untuk kegunaan rasmi atau peribadi
Raja-Raja & YDP	Perolehan barangan yang diimport atau yang dibeli daripada pengilang berdaftar melainkan petroleum untuk kegunaan Raja/YDP. Walau bagaimanapun, bagi perolehan kenderaan, kuantiti yang dibeli hendaklah tidak melebihi jumlah yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
ATM	Perolehan petroleum untuk kegunaan rasmi tertakluk bahawa kos barang tersebut dicajkan ke atas vot Kerajaan Persekutuan dan bukan dibeli daripada sumber lain.

Rujuk: Jadual A/Item 1,2&9/ Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018

**SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI
JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN
DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018**

MEKANISME PERMOHONAN SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018



Penurunan Kuasa

- ☐ Kelulusan oleh PP
- ☐ Guna format GST
- ☐ Salinkan kepada JKDM

Proses Perolehan

- ☐ Memastikan perolehan adalah diberi pengecualian CJ
- ☐ Tawaran harga tanpa CJ


MySST

- ☐ Selepas SST - Jana sijil pengecualian CJ di MySST
- ☐ Sijil dikemukakan kepada pengilang
- ☐ Invois hendaklah dikecualikan CJ

- ☐ Permohonan melalui MySST sepenuhnya
- ☐ Tandatangan secara elektronik

SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

Siapakah yang perlu memohon Sijil Pengecualian



Sekiranya perolehan dilaksanakan sendiri oleh Agensi

Sijil dipohon oleh Agensi yang melaksanakan perolehan, dan ditandatangani oleh pegawai yang diturunkan kuasa

Sekiranya perolehan dilaksanakan oleh Pihak Ketiga


Sijil dipohon oleh pihak ketiga dengan mengemukakan dokumen sokongan daripada Agensi yang melantik pihak ketiga tersebut

PELARASAN HARGA KONTRAK

- **Agensi boleh menimbang penyelarasan harga kontrak berdasarkan permohonan syarikat, ke atas baki perolehan yang belum disempurnakan, dengan justifikasi dan pembuktian yang kukuh.**
- **Agensi hendaklah memastikan sebarang perubahan harga kontrak adalah disebabkan oleh CJCP dan bukannya daripada faktor lain.**
- **Pelarasan harga kontrak hendaklah diluluskan oleh PP.**
- **Perjanjian Tambahan tidak diperlukan. Cukup dengan Surat Penyelarasan Harga Kontrak.**
- **Sekiranya terdapat pengurangan harga, Agensi bertanggungjawab untuk membuat pelarasan harga kontrak sewajarnya.**
- **Pelarasan harga kontrak juga berlaku bagi pembekal.**

TEMPOH PERALIHAN GST KEPADA CJCP

SIMULASI PERALIHAN KONTRAK



KONTRAK MELANGKAUI CJCP

CUKAI JUALAN			CUKAI PERKHIDMATAN
Bekalan (Pembekal)	Bekalan (Pengilang)	Kerja	
Tidak tertakluk CP	Pengecualian CP kecuali kenderaan import & petroleum	Tidak tertakluk kepada kenaan CJ	Dikenakan CP jika perkhidmatan bercukai bagi baki kontrak
	Pengeluaran sijil pengecualian	Bagi kontrak yang mengandungi elemen perolehan perkhidmatan bercukai, maka CP dikenakan	
Invois tanpa sebarang cukai	Invois menyatakan pengecualian CJ (kecuali petroleum & kenderaan import)	Invois tanpa sebarang CJCP	Invois dengan kenaan CP jika perkhidmatan bercukai
Pelarasan harga kontrak (jika perlu)	Pelarasan Harga kontrak (jika perlu)	Pelarasan Harga kontrak (jika perlu)	Pelarasan harga kontrak (jika perlu)

PENYEDIAAN ANGGARAN JABATAN & PENENTUAN KAEDAH PEROLEHAN

PENYEDIAAN AJ

- Kenaan CJCP hendaklah diambil kira dalam menyediakan peruntukan dan perancangan perolehan tahunan terutama bagi perolehan perkhidmatan dan bekalan (yang dikenakan CJ).

PENENTUAN KAEDAH PEROLEHAN

- Kaedah perolehan ditentukan dengan menggunakan AJ TANPA kenaan CJCP.

TAWARAN HARGA SYARIKAT

- Tawaran harga syarikat tanpa kenaan CJCP.
- Agensi akan memasukkan nilai CJ/CP jika perolehan tersebut termasuk dalam barangan bercukai/perkhidmatan bercukai dan syarikat berdaftar dengan JKDM.

PEROLEHAN DARIPADA AGENSI KERAJAAN LAIN (G2G)

PEROLEHAN G2G

CJ	Sebarang pembekalan barangan yang diperoleh daripada Agensi Kerajaan lain yang berdaftar dengan JKDM, pengecualian CJ boleh dipohon di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada pembayaran Cukai) 2018. Contoh: Perolehan produk Jabatan Penjara jika berdaftar dengan JKDM.
CP	Sebarang perkhidmatan bercukai yang diperoleh daripada Agensi Kerajaan adalah dikenakan CP tertakluk Agensi Kerajaan tersebut berdaftar dengan JKDM. Contoh: Perkhidmatan pengiklanan oleh RTM kepada Agensi Kerajaan lain adalah tertakluk kepada dikenakan CP jika RTM berdaftar dengan JKDM.

**SYARIKAT BERSTATUS PEMBUAT
DI BAWAH PENDAFTARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN**

CJCP KE ATAS SYARIKAT BERSTATUS PEMBUAT

- Perolehan daripada syarikat berdaftar dengan MOF yang bertaraf pembuat dan berdaftar dengan JKDM diberi pengecualian CJ.
- Pengecualian melalui pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
- Sijil pengecualian dijana melalui Sistem MySST.

KENAAN CJCP KE ATAS KONTRAK PUSAT DAN KONTRAK PANEL BERPUSAT

CJCP KE ATAS KP DAN KPB

CJ	▪ Pengecualian CJ bagi syarikat di bawah KP dan KPB yang berstatus pengilang berdaftar. ▪ Pengecualian melalui pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018
CP	▪ Sebarang perkhidmatan bercukai di bawah KP dan KPB adalah dikenakan CP tertakluk syarikat tersebut berdaftar dengan JKDM.

KENAAN CJCP KE ATAS DESIGNATED AREA (DA)

BARANG/PERKHIDMATAN DIKENAKAN CJCP DALAM DA

CJ	Berdasarkan Perintah Cukai Jualan (Pengenaaan Cukai Jualan Berkenaan Dengan Kawasan Yang Ditetapkan) 2018, CJ dikenakan ke atas pengimportan barang: i. Wain, spirit, minuman keras malta, tembakau; ii. Marmar dan ikan bilis; dan iii. Kenderaan bermotor ke Tioman.
CP	Berdasarkan Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai Bagi Perkhidmatan Berkenaan Dengan Kawasan Yang Ditetapkan dan Kawasan Khas) 2018, CP dikenakan ke atas perkhidmatan: i. Pemberian pengangkutan udara; ii. Pemberian perkhidmatan telekomunikasi; iii. Penyediaan penginapan; iv. Penyediaan makan dan minuman; dan v. Perkhidmatan bagi pelepasan barang daripada kawalan kastam dan kawasan khas.

SIMULASI CJCP KE ATAS PEROLEHAN DA

Penyedia bekalan / perkhidmatan	Kawasan dibekalkan	Layanan CJCP
DA	DA	CJ : Tiada* CP : Tiada*
DA	KUK	CJ : Ada** CP : Ada***
KUK	DA	CJ : Tiada* CP : Ada***
KUK	KUK	CJ : Ada** CP : Ada***

* Tertakluk kepada jenis barangan/perkhidmatan tertentu sahaja.

** Tertakluk kepada Jadual A, Perintah Cukai Jualan 2018.

*** Tertakluk kepada Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

DA: Langkawi, Tioman dan Labuan

KUK: Bahagian lain di Malaysia selain dari Langkawi, Tioman dan Labuan

PENGELUARAN INVOIS

BARANG/PERKHIDMATAN DIKENAKAN CJCP DALAM DA

CJ

Pembekal

Invois hendaklah tidak mempunyai kenaan CJ.

Pengilang Berdaftar

Invois hendaklah dikecualikan kenaan CJ (kecuali petroleum dan kenderaan import).

Perlu ada:

“Cukai Jualan dikecualikan daripada pembayaran cukai di bawah Butiran, Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.”

Pengimportan

Pengecualian dituntut semasa taksiran dibuat di pintu masuk (*entry point*) dan pengikraran dibuat melalui borang Kastam 1.

CP

Invois hendaklah mengandungi kenaan CP pada kadar 6% atau kadar yang berkuat kuasa bagi perkhidmatan bercukai.

Bagi perkhidmatan tidak bercukai - invois tiada kenaan CP.

SURAT SETUJU TERIMA

SST

LAMPIRAN	KETERANGAN
1	Perolehan bekalan dengan pembekal. Pembekal adalah tidak tertakluk kepada CJ.
2	Perolehan bekalan yang dilaksanakan dengan pengilang berdaftar yang mana Agensi Kerajaan mendapat pengecualian CJ
3	Perolehan bekalan yang dikenakan CJ dengan pengilang berdaftar. Contoh - petroleum dan kenderaan import.
4	Perolehan bekalan yang dikenakan CJ dengan pengilang tidak berdaftar dan. Contoh - petroleum dan kenderaan import.
5	Perkhidmatan yang tidak dikenakan CP.
6	Perkhidmatan yang dikenakan CP.
7	Perkhidmatan yang dikenakan CP dengan pembekal perkhidmatan yang tidak berdaftar dengan JKDM.
9	Perolehan kerja pembinaan. Perolehan kerja pembinaan tidak dikenakan CJ.

TERIMA KASIH